

130 cps

ANALISIS TERHADAP TARAF SOSIO-EKONOMI
DENGAN PERMINTAAN REKREASI LUAR RUMAH. SATU
KAJIAN KES TENTANG TAMAN BELIA PETRANBARAN, PULAU PINANG

OLEH
NGO LEE ZEA

LATIHAN ILMIAH INI DISEDIAKAN
UNTUK MEMENUHI KEPERLUHAN IJAZAH
SARJANA MUDA SASTERA DALAM BIDANG GEOGRAFI

PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PULAU PINANG
FEBRUARI 1985

8

Abstrak

Baru-baru ini, 'revolusi lapang' telah menjadi semakin penting, umpamanya di negara-negara maju. Rekreasi luar rumah terutamanya telah mencapai kepopularan apabila jenis aktivitiya bertambah. Untuk sebuah negara seperti Malaysia yang sedang membangun dengan pesat, kesedaran terhadap rekreasi luar rumah didapati semakin menjadi ketara selaras dengan taraf kekayaan yang semakin meningkat. Malangnya, kajian-kajian yang mendalam mengenai rekreasi luar rumah di Malaysia tidaklah begitu banyak.

Walaupun kajian ini dijalankan dengan hanya menganalisis satu taman awam sahaja, iaitu Taman Belia Perbandaran, malah diharapkan bahawa maklumat-maklumat yang telah diperolehi ini sedikit sebanyak akan menggambarkan keadaan-keadaan di taman-taman awam yang lain. Tujuan utama kajian ini ialah untuk menentukan para pengguna Taman Belia serta pembekalan kemudahan-kemudahan rekreasi yang terdapat pada taman.

Penulisan ini dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama menentukan tentang ciri-ciri sosio-ekonomi para pengguna taman. Tidak boleh dinafikan bahawa taraf sosio-ekonomi merupakan salah satu input yang asas kepada kejayaan program-program perkembangan rekreasi. Proses pengurusan sumber rekreasi bermula dengan manusia dan manusialah yang menjadi asas untuk setiap sistem rekreasi. Ciri-ciri sosio-ekonomi yang telah dikaji ini termasuk taraf pendidikan, jenis pekerjaan, pendapatan dan hakmilik kenderaan.

Taraf pendidikan membantu dalam mencipta kesedaran yang menimbulkan

keinginan untuk rekreasi. Dari kajian, didapati bahawa semua responden telah menerima pendidikan formal. Kebanyakan mereka telah menerima pendidikan setinggi peringkat sekolah menengah tinggi. Sedikit responden sahaja yang telah mencapai taraf pendidikan setinggi maktah atau universiti. Jenis pekerjaan menunjukkan berapa banyak masa lapang seseorang individu terdapat manakala kelas-kelas pendapatan menggambarkan jenis aktiviti rekreasi yang lebih disukai. Kebanyakan responden terlibat dalam jenis pekerjaan yang mempunyai masa lapang pada hujung minggu. Dari segi pendapatan, Taman Belia didapati lebih memberi perkhidmatan kepada golongan yang berpendapatan sederhana rendah dan rendah kerana segala kemudahan adalah percuma. Kadar penyertaan rekreasi juga kuat dipengaruhi oleh faktor mobiliti, iaitu sama ada seseorang memperoleh kenderaan sendiri. Hakmilik kenderaan dapat menambahkan ruang rekreasi seseorang dan ia juga berusaha menimbulkan keinginan untuk rekreasi. Kebanyakan responden didapati memperoleh kenderaan sendiri, sama ada motokar atau motorsikal. Sebahagian kecil mempunyai basikal sendiri. Pada keseluruhan, orang-orang inilah yang merupakan para pelawat taman yang kerap. Dengan mobiliti, mereka ini lebih sanggup melawat tapak-tapak taman rekreasi yang terletak lebih jauh dari tempat kediaman mereka.

Bahagian dua meninjau tentang penggunaan taman. Di sini, jumlah pelawat dan kenderaan yang memasuki taman dicatat untuk menunjukkan betapa berat taman digunakan. Puncak masa lawatan didapati di antara jam sepuluh pagi ke duabelas tengah hari dan di antara jam dua petang ke empat petang, di mana kebanyakan pelawat datang berkeluarga. Juga didapati bahawa Taman Belia lebih disukai oleh golongan belia kerana

aktiviti-aktiviti rekreasi aktif yang terdapat, umpamanya kegiatan meluncur. Taman ini juga merupakan satu tapak yang sesuai untuk rekreasi pasif kepada golongan dewasa dan tua kerana alam sekitar yang semulajadi dan nyaman. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna bahawa pembekalan kemudahan taman adalah memuaskan. Terdapat lebih dari setengah dari jumlah para responden mampu membuat aduan-aduan terhadap kemudahan-kemudahan yang tidak memuaskan mahupun mencukupi. Mereka inilah yang lebih sedar terhadap peluang-peluang rekreasi lain di Pulau Pinang.

Bahan-bahan dalam bahagian tiga pula didapati dari sumber-sumber sekunder. Bahagian ini menentukan pembekalan kawasan lapang rekreasi yang sedia ada di Pulau Pinang, terutama sekali di bandar Georgetown di mana tanah telah semakin berkurangan. Peruntukan kawasan lapang selalu diberi kepentingan sekunder bila dibandingkan dengan gunatanah lain seperti perumahan, perdagangan dan perindustrian. Apabila bandar semakin berkembang, umpamanya bandar Georgetown yang telah dibentuk sebagai pusat pertumbuhan untuk Wilayah Utara menurut Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980), konflik dan persaingan tanah yang hebat selalu berlaku. Sebagai satu petunjuk, standard-standard telah digunakan supaya menentukan bahawa pembekalan kawasan lapang yang sedia ada di Georgetown adalah tidak mencukupi. Ramalan terhadap permintaan rekreasi pada masa hadapan juga telah dibuat berdasarkan ciri-ciri demografi dan sosio-ekonomi. Beberapa cadangan untuk penambahan ruang rekreasi di Pulau Pinang juga telah dikemukakan. Cadangan-cadangan ini termasuk:

- (a) Perluasan dan perkembangan taman-taman rekreasi yang sedia ada.

- (b) Pembentukan taman-taman baru.
- (c) Penebusan tanah.

Sebagai kesimpulan, boleh dirumuskan bahawa pembekalan kawasan lapang rekreasi yang sedia ada di Pulau Pinang adalah jauh mencukupi untuk memenuhi permintaan rekreasi yang akan semakin bertambah akibat pertumbuhan penduduk dan peningkatan dalam taraf sosio-ekonomi.

Para perancang harus memberi lebih banyak perhatian kepada peruntukan kawasan lapang kerana rekreasi juga merupakan satu keperluan asas para penduduk yang seharusnya tidak diketepikan.

Abstract

In recent years, the 'leisure revolution' has gained momentum, particularly in the industrialized countries. Outdoor recreation especially has gained in popularity as the range of activities it offers has widened. In a fast developing country like Malaysia, the awareness of outdoor recreation is also getting more and more pronounced as the degree of affluence increases. Unfortunately, not many detailed studies concerning outdoor recreation in Malaysia are currently available.

Though this exercise is only based on the study of one public park, that is the Municipal Youth Park, it is hoped that the information obtained will more or less reflect the conditions in the other public parks in Penang Island. The main aim of this study is to identify the park users as well as the provision of recreational facilities found in the park.

This study is divided into three main sections. The first section deals with the socio-economic characteristics of the park users. Undeniably, socio-economic status is one of the fundamental inputs to the success of recreation development programmes. The process of recreation resource management begins with people and people are at the heart of any recreation system. The various socio-economic characteristics surveyed include levels of education, types of occupation, income and vehicle ownership.

Levels of education help to create awareness which generates aspirations and desires for recreation. It is found out that all

active recreational activities offered, especially roller-skating. However, it is also a favourite place for passive recreation for the adult and the elderly due to its natural and peaceful environment. Nevertheless the provision of the facilities in the park are not all satisfactory to the users. More than half of the visitors are able to list out the various deficiencies and inadequacies of the facilities offered. These people are also the ones who are quite aware of the various recreational opportunities found in Penang Island.

The findings in section three are based on secondary sources. It identifies the existing provision of recreational open spaces in Penang Island, especially in Georgetown where land is fast becoming a scarce resource. The allotment of land for open spaces has always been given secondary importance when compared to other types of landuse which are of more economic importance like housing, commercial and industrial activities. As the city expands, especially Georgetown which has been made a growth center for the Northern Region under the Third Malaysia Plan (1976-1980), conflicts and keen land competition result. As an indicator, common standards are used to denote the inadequacy of the provision of existing open space in Georgetown. Prediction of the future demand of recreational space is done according to the demographic and socio-economic characteristics of the population. Several plans to increase the recreational space in Penang Island include:

- (a) the expansion and development of existing parks. 8
- (b) conversion of new areas into recreational parks.
- (c) land reclamation.

By way of conclusion, the provision of existing recreational open space in Penang Island is far from adequate to meet the demand for recreation particularly when the population is fast expanding with increasing degree of affluence. Planners should place more importance for the provision of open space since recreation is also a basic human need that should not be overlooked.